

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

UTM-MIMOS komersialkan hasil R&D

10. Jan 2009

Utusan Malaysia

Dlm Negeri

238082

833287

Language MALAY

Page No 12

Article Size 67 cm2

Frequency Daily

Color Full Color

AdValue



## UTM-MIMOS komersialkan hasil R&D

JOHOR BAHRU 9 Jan. - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MIMOS Bhd. (MIMOS) bagi bekerjasama mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) universiti itu.

Menurut Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Dr. Zaini Ujang, ia adalah perjanjian yang bermatlamat membantu menjadikan UTM sebagai Pusat Kecemerlangan Wayarles.

"Selama ini pihak universiti terutama UTM terpaksa mencari sendiri syarikat untuk mengkomersialkan hasil dan produk yang telah dibuat R&D," katanya pada sidang akhbar selepas menandatangani MoU itu di UTM, Skudai di sini hari ini.

Pada majlis itu, Dr. Zaini mewakili UTM manakala MIMOS diwakili oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Dengan perjanjian itu, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UTM secara rasmi dilantik oleh MIMOS sebagai pusat penyelidikan bagi menjalankan R&D tentang kluster komunikasi wayarles.

Dr. Zaini berkata, UTM tidak perlu lagi mencari sendiri pelanggan yang berminat untuk mengentengahkan hasil penyelidikan ke-



ZAINI Ujang (dua dari kiri) dan Abdul Wahab Abdullah bertukar dokumen Memorandum Persefahaman antara UTM dengan MIMOS di UTM, Skudai, semalam.

rana MIMOS akan memainkan peranan dalam hal itu.

"Ia ditambah pula dengan pelanggan sedia MIMOS sebanyak 85 syarikat dari kalangan industri tempatan," katanya.

Sementara itu menurut Abdul Wahab, kakitangannya juga turut terlibat dalam penyelidikan mem-

babitkan protokol wayarles, radio dan gelombang mikro serta antena.

"Inilah masa untuk mengkomersialkan apa yang boleh dibuat menerusi R&D dari universiti tempatan seperti UTM.

"Kita hanya menjadi pemangkin ke arah itu dengan menyediakan platform," katanya.